



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 2/2021

**PENGECUALIAN CUKAI PERKHIDMATAN
KE ATAS PERKHIDMATAN PENYEDIAAN PREMIS PENGINAPAN DALAM
KUMPULAN A: PENGINAPAN, JADUAL PERTAMA,
PERATURAN-PERATURAN CUKAI PERKHIDMATAN 2018 DI BAWAH
PROGRAM STRATEGIK MEMPERKASA RAKYAT DAN EKONOMI (PEMERKASA)**

- 1 YAB Perdana Menteri telah mengumumkan suatu pelan di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) pada 17 Mac 2021, melanjutkan pengecualian cukai perkhidmatan bagi premis penginapan dalam Kumpulan A: Penginapan, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 sehingga 31 Disember 2021.
- 2 Perkhidmatan yang diberikan pengecualian adalah perkhidmatan bercukai yang disenaraikan di butiran (a), ruang (2), Kumpulan A: Penginapan, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 iaitu **penyediaan premis penginapan**.
- 3 Sehubungan dengan itu, terdapat dua (2) pengecualian cukai perkhidmatan bagi penginapan iaitu:
 - 3.1 Pengecualian daripada membayar cukai perkhidmatan kepada mana-mana orang yang menginap di premis penginapan; dan
 - 3.2 pengendali premis penginapan yang berdaftar cukai perkhidmatan diberi pengecualian daripada mengenakan cukai perkhidmatan ke atas penyediaan perkhidmatan penginapan.
- 4 **Perkhidmatan-perkhidmatan bercukai lain seperti di butiran (b), (c) dan (d), ruang (2), Kumpulan A: Penginapan, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 yang diberikan oleh premis penginapan berdaftar adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.**
- 5 Pengecualian cukai adalah untuk tempoh selama enam (6) bulan bermula dari 1 Julai 2021 sehingga 31 Disember 2021.
- 6 Pengendali premis penginapan adalah bertanggungjawab ke atas perkara berikut:
 - 6.1 Invois masih perlu dikeluarkan dan ruang cukai dinyatakan sebagai "0%" atau "dikecualikan";
 - 6.2 Penyata SST-02 masih perlu dikemukakan mengikut tempoh yang ditetapkan; dan
 - 6.3 Jumlah perkhidmatan bercukai yang dikecualikan hendaklah diisi di ruangan 18(c) penyata SST-02.

- 7 Bagi perkhidmatan yang dikecualikan berlaku pada 31 Disember 2021 dan berakhir pada 1 Januari 2022, perkhidmatan tersebut dikecualikan daripada cukai perkhidmatan.
- 8 Dengan berkuat kuasa Dasar Cukai Perkhidmatan Bil 2/2021 ini, maka Dasar Cukai Perkhidmatan Bil 9/2020 (Pindaan No.2) adalah dibatalkan.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA